

Dakwaan Dr. Mahathir beri kelebihan kepada calon PSM

UM - 18/2/2019 m/s: 8

HULU LANGAT 17 Feb. - Dakwaan Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa Pas tidak akan menyokong UMNO dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih mampu memberikan kelebihan kepada satu lagi parti yang bertanding iaitu Parti Sosialis Malaysia (PSM).

Calon PSM bagi PRK Semenyih, Nik Aziz Afiq Abdul berkata, dakwaan tersebut berkemungkinan akan mendorong serta menyebabkan penyokong Pas yang berada di Semenyih memberikan undi kepadanya.

"Penyokong-penyokong Pas ini ada masalah dengan parti-parti dalam PH malah ketika ini kita tidak tahu pula bagaimana hubungan mereka dengan UMNO, jadi saya merupakan calon terbaik.

"Saya lihat ini merupakan satu kelebihan oleh itu saya berharap ahli-ahli Pas dapat fahami perjuangan saya sekali gus dapat memberikan sokongan kepada PSM," katanya kepada pemberita selepas membuat akuan berkanun mengisytiharkan harta di sini hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir mendakwa terdapat pengakuan se-



MUHAMMAD AIMAN ZAINALI (kiri) bertemu dengan Nik Aziz Afiq Abdul dalam kempen Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Semenyih di Pasar Pagi Semenyih, Hulu Langat, Selangor, semalam.

cara bertulis dalam pertemuannya dengan Datuk Seri Abdul Hadi Awang di ibu negara kelmarin bahawa Pas tidak akan menyokong UMNO dalam PRK itu.

Sementara itu, jelas Nik Aziz Afiq, tujuannya mengisytiharkan harta kepada orang awam adalah bagi menunjukkan PSM tidak akan bertoleransi dengan rasuah serta tidak akan menggunakan kedudukan sebagai ahli politik untuk kepentingan diri dan keluarga.

"Oleh itu, saya juga berharap sempena Malaysia baharu, langkakah mengisytiharkan harta ini dapat diikuti tiga calon lain yang bertanding kerana amat baik untuk penduduk di Semenyih.

"Kita mesti sama-sama naikan tahap politik di negara ini ke arah yang lebih tinggi dan perlu dimulakan di Semenyih. Saya menyerahkan kepada rakyat menilai sekiranya tiga calon yang lain tidak mahu mengisytiharkan harta mereka," katanya.